

08 OCT 2001

LIMA-CTRM

CTRM DAN RAKAN KONGSI AKAN PERKENAL PESAWAT PENINJAU DI LIMA

Oleh: Mohd Faizal Zakariah

LANGKAWI, 8 Okt (Bernama) -- Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) dan rakan-rakan niaganya akan memperkenalkan pesawat peninjau buatan Malaysia yang dipanggil "Eagle ARV System" pada Rabu di Pameran Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA) 2001.

"Eagle ARV System" dimajukan bersama oleh CTRM, BAE Systems dan Excelnet Sdn Bhd, kata ketua pegawai eksekutif CTRM, Tan Sri Chen Lip Keong, dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ia menggunakan pesawat Eagle 150B.

Pesawat peninjau itu dijadualkan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan itu, projek RM47 juta itu dimeterai secara rasmi pada 8 Jun 2001 between CTRM dan Kementerian Pertahanan bagi memajukan program itu.

Ia turut menyatakan bahawa pengeluaran pertama Eagle ARV kepada kerajaan Malaysia diharapkan mengikut jadual iaitu awal tahun depan. --

BERNAMA

MFZ FR JR